

29/01/1997

Tribunal Rakyat ada unsur Marxis

Al Azzharri Al-Siddiq

SEJARAH negara kita pernah berendam air mata dan darah gara-gara perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) untuk memerintah.

Pertemuan Baling pada 1955 menyaksikan cita-cita dan harapan sebenar PKM di Tanah Melayu. Walaupun mereka gagal meminta pengiktirafan, namun mereka tidak pernah mengenal erti putus asa.

Komunis memang tidak pernah mati, malah Setiausaha Agung PKM ketika berucap di Haadyai, Selatan Thai pada 2 Disember 1989 menyatakan secara jujur dan berterus-terang bahawa dia sendiri masih lagi berfahaman Marxis-Leninis.

Baru-baru ini, apabila beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bercadang mengadakan Tribunal Rakyat kononnya mahu mengadili salah guna kuasa pihak polis, saya agak terkejut dan kenyataan Ketua Polis Negara ia berunsur Marxis mendesak saya untuk menulis artikel ini.

Istilah 'Tribunal Rakyat' itu sendiri membawa kita kepada situasi yang sering berlaku di negara blok komunis. Pada pendapat mereka, kerajaan adalah dusta dan mahkamah hanyalah boneka. Karl Marx ketika hidupnya sering melaungkan slogan kesamarataan dan keadilan, kekayaan sama rata dan keadilan oleh rakyat. Begitu juga dalam sejarah hidup Lenin yang berjaya mengeksploitasi rakyat dengan nilai hidup sosialis dan komunis.

Namun, slogan yang nampak baik ini menjerumuskan rakyat ke dalam kancah dan kemelut hidup yang lebih buruk. Eksploitasi ke atas rakyat berleluasa dengan melaung-laungkan istilah tribunal oleh rakyat dan pengadilan oleh rakyat.

Saya tidak berniat menghina dan memperkecilkan dua tokoh ini, cuma dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan sudah harmoni, sikap sesetengah pihak yang mahu mengeksploitasi kepercayaan rakyat adalah berbahaya.

Saya ingin menurunkan semula pandangan pakar antarabangsa mengenai komunis iaitu Tan Sri Chee Chew Too (C C Too) yang sangat berjasa kepada negara dalam usaha memerangi kegiatan komunis sejak zaman darurat (1948-1960), sehinggalah beliau bersara selepas memegang tanggungjawab sebagai Ketua Bahagian Perang Saraf dengan Kementerian Dalam Negeri.

Menurut beliau, Chin Peng mendedahkan rancangan masa depan komunis dengan menekankan bahawa dia dan rakannya patut dibenarkan pulang untuk berkecimpung dalam kegiatan politik tanah air secara bebas dan akhirnya membentuk sebuah parti politik yang sah dari segi undang-undang.

C C Too menjelaskan Chin Peng dengan bijaksana dan terang menjelaskan cita-cita sebenar PKM iaitu gencatan senjata ini hanyalah untuk sementara bagi menembusi arena politik melalui hasutan dan rangsangan yang dibuat oleh tali barut komunis bagi mencetuskan persengketaan sosial (merujuk rancangan Tribunal Rakyat yang dicadangkan baru-baru ini), dan ekonomi, mewujudkan keadaan tidak stabil dalam politik negara (sebagaimana yang dilakukan oleh penganjur Persidangan Tertutup mengenai Timor Timur atau Apttec di Kuala Lumpur baru-baru ini).

Persidangan Apttec ini sendiri menyebabkan kerajaan dalam keadaan serba salah kerana adanya nilai kemanusiaan dan hubungan akrab dua jiran yang menjadi isu itu. Tribunal Rakyat itu sendiri sebagaimana dikatakan mempunyai unsur Marxis membuatkan rakyat tertanya-tanya dan ketakutan.

Dua rentetan peristiwa ini yang didalangi beberapa institusi NGO seolah-olah menepati ramalan C C Too bahawa Komunis tidak akan pernah mahu berhenti. Tambah beliau lagi, keadaan ini akan melahirkan 'suasana pemberontakan baru' yang akan dipercepatkan pula oleh kemelesetan ekonomi

pada masa hadapan.

Pada ketika inilah komunis akan mengambil peluang dan kesempatan menghidupkan semula perjuangan senjata mereka dengan kekuatan dan prospek yang lebih besar untuk menggulingkan kerajaan dan mengambil kuasa - satu contoh terbaik taktik licik komunis, melangkah satu tapak ke belakang untuk maju dua tapak ke depan.

Oleh yang demikian, kerajaan harus berhati-hati dengan dakyah bentuk baru komunis ini (The New-Comunisme). Kita tidak mahu sejarah berulang semula dengan rakyat kembali terseksa dan menderitanya. Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk meningkatkan pengawasan, mengesan dan menumpaskan semua rancangan komunis bagi menjamin keamanan dan kestabilan politik yang berterusan.

Kerajaan harus bertindak tegas dan tidak berkompromi dengan mereka yang mempunyai cita-cita komunis atau Marxis.

Sebagaimana kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, golongan ini sanggup berbuat apa saja untuk menjayakan hasrat mereka. Mereka tidak mempunyai masalah kewangan kerana mendapat sumber luar yang bebas. Demi negara tercinta, rakyat hendaklah berdiri di belakang pucuk pimpinan negara untuk sama-sama membanteras anasir subversif yang tidak bertanggungjawab.

Kejayaan dan kemajuan negara kita mendorong ramai musuh negara yang tidak senang untuk menyusuri strategi menghancurkan negara kita. Rakyat haruslah sentiasa berwaspada dan tidak mudah berpuas hati, sebagaimana yang ditunggu-tunggu dan diusahakan oleh pihak komunis dan konconya.